

# KONSEP MODAL INSAN DALAM PERLEMBAGAAN “ITQANUL MULUK BI TAKDIL AS-SULUK”

**Fatimah Nadirah Mohd Noor<sup>1</sup>, Nor Hayati Md Dahlal<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Kolej Universiti Islam Melaka, Melaka, Malaysia.

<sup>2</sup>Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia.

Emel: fatimahnadirah@kuim.edu.my

## **ABSTRAK**

*Artikel ini ditulis adalah bertujuan untuk membincangkan Konsep Pembangunan Modal insan dalam Perlembagaan Iqtan Muluk dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu. Hal ini kerana modal insan yang wujud dalam perlembagaan ini tidaklah sebagaimana yang diperakui oleh konsep modal insan Barat, melihat seseorang manusia itu hanya dari sudut kecerdasan fizikalnya sahaja. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang menggarap sumber kepustakaan sebagai asas kepada tinjauan kajian. Kepentingan kajian ini boleh dilihat bagaimana konsep pembangunan modal insan itu telah wujud dalam undang-undang tubuh Negeri Terengganu dan pengaruhnya kepada masyarakat Melayu ketika itu. Hasil daripada kajian ini membuktikan bahawa perkembangan Islam ke Negeri Terengganu telah membangunkan masyarakat di dalamnya dengan pembangunan modal insan yang holistik dan akhirnya tertubuhlah Perlembagaan Iqtan Muluk “Itqanul Muluk Bi Takdil As-Suluk” dalam undang-undang Tubuh Negeri Terengganu.*

**KATA KUNCI:** pembangunan insan, iqtan muluk

## **ABSTRACT**

*The aim of this article is to discuss the concept of human capital development in Iqtan Muluk, the old Terengganu highest constitution. This is because the human capital concept in this constitution is not same with the concept of human capital in western perspective which only look and judge human from physical appearance. This research using qualitative method where the library research as the main field of it. The importance of this research is to review the concept of human capital development, which already stated in the old Terengganu constitution and its effects to the Malays community at that time. The result of this research show that the spreading of Islam to Terengganu, already developed the society with the holistic human capital and at the end, the constitution Iqtan Muluk Bi Takdil As-Suluk existed in the old Terengganu constitution.*

**KEYWORDS:** human capital, iqtan muluk

## **1.0 PENGENALAN**

Dewasa ini sebilangan besar kalangan sarjana memaklumi bahawa manusia sebagai modal insan. Ianya merupakan aset paling berguna bagi memajukan sesuatu program pembangunan masyarakat. Kepentingan modal insan ini ternyata mengatasi sumber ekonomi lain seperti modal dan infrastruktur fizikal. *Gary S. Becker*, penerima Hadiah Nobel dalam ekonomi pada tahun 1992 menyatakan bahawa perkara terpenting untuk menarik pelaburan asing bukanlah kerana sesebuah negara itu mempunyai golongan elit atau rakyat yang terpelajar. Faktor yang utama ialah golongan pekerja khususnya yang mempunyai tahap literasi yang tinggi, budaya kerja yang positif dan potensi mendapatkan pengetahuan bagi membentuk kemahiran-kemahiran baru. Pengaruh ketiga-tiga elemen ini sangat ketara kerana pekerja yang berupaya menerapkan budaya ilmu dan mahir dalam bidangnya adalah mereka yang akan menghasilkan produk berkualiti seperti yang dikehendaki oleh syarikat-syarikat luar yang membuat pelaburan. Inilah keputusan pertama yang akan difikirkan dan isu utama yang diberi penekanan oleh pelabur luar negara. Berasaskan kepada senario ini, artikel ini akan melihat bagaimana bentuk modal insan yang terkandung dalam Pembangunan Itqan Muluk.

Pembangunan Itqan Muluk merupakan sebuah perlembagaan undang-undang tubuh Negeri Terengganu yang diakui sebagai perlembagaan. Oleh yang demikian data mengenai modal insan yang terkandung di dalamnya bukanlah seperti yang dibincangkan dalam buku tentang ekonomi semasa. Disebabkan atas dasar itulah kajian ini bakal melihat apa yang tersurat dan tersirat tentang konsep modal insan di dalam Pembangunan Itqan Muluk yang merangkumi isu seperti bagaimana bentuk, sifat dan tanggungjawab modal insan yang terkandung di dalamnya. Hal ini amat penting dikaji kerana Pembangunan Itqan Muluk merupakan undang-undang tubuh negeri yang paling banyak terpengaruh dengan *world-view* Islam sejati. Tidak dapat dinafikan sememangnya terdapat banyak perkara yang boleh dipelajari daripada Pembangunan Itqan Muluk untuk kegunaan masyarakat Islam semasa.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

### **2.1 Modal Insan Dari Pelbagai Perspektif**

Konsep modal insan mula mendapat perhatian dalam beberapa dekad ini. Sebelumnya pakar ekonomi hanya mementingkan faktor modal material dari segi wang dan tanah dalam pembangunan ekonomi serta

masyarakat. Kemudiannya para sarjana mula memaklumi bahawa manusia merupakan modal sebenar yang bakal menjayakan sesuatu program pembangunan. Modal insan adalah terjemahan kepada istilah atau terma dalam Bahasa Inggerisnya "*human capital*". Istilah "*human capital*" merupakan satu konsep ekonomi yang melihat manusia sebagai modal. Menurut Kamus Dewan, modal bermaksud wang atau harta benda yang dipergunakan untuk mendapatkan atau mencapai sesuatu yang lain manakala manusia pula ditakrifkan sebagai makhluk yang mempunyai akal budi dan boleh berfikir serta mempunyai daya upaya.<sup>1</sup>

Modal insan atau *human capital* juga membawa maksud satu cara bagaimana seseorang itu ditentukan atau dikategorikan berdasarkan kepada keupayaan atau kebolehan dan kemahiran yang ada padanya dalam pekerjaan atau bagaimana seseorang itu boleh memberikan pulangan pendapatan (return of investment) kepada organisasi atau sumbangsan kepada pertumbuhan ekonomi bagi sesebuah negara. Manusia dilihat sebagai insan yang diciptakan sebagai khalifah<sup>2</sup> yang dianugerahkan dengan kelebihan akal yang mempunyai potensi untuk berfikir, merancang dan melaksanakan sesuatu program. Ia bukannya seperti robot yang melaksanakan tugas yang hanya diprogram sahaja.

Bahkan sarjana Barat mula menyakini bahawa modal insan yang dibangunkan dengan keseimbangan mampu menyuntik kesedaran spiritual yang bakal membahagiakan diri dan masyarakat sekeliling. Hal ini tidak seperti sebelumnya yang mana Barat menganggap modal insan yang dibangunkan dengan fokus pembangunan fizikal sahaja mampu melahirkan tenaga manusia yang berwibawa.

Keadaannya telah berubah, kini agama juga telah dilihat bukan lagi sebagai penghalang atau elemen negatif yang bakal mengagalkan usaha pembangunan. Bahkan agama juga telah dilihat sebagai pemangkin utama untuk menjayakan program pembangunan organisasi. Pakar motivasi seperti *Stephen Covey* mula menyedari bahawa pekerja yang kuat beragama dan mempunyai sifat amanah akan meningkatkan prestasi kerja mereka kerana dorongan mendapat ganjaran pahala akan mendorong mereka memberikan mutu kerja yang cemerlang. Oleh sebab itulah manusia sentiasa dianggap sebagai aset yang berharga dan bukanya liabiti untuk program pembangunan.

<sup>1</sup>. Noresah Baharom (2007), Kamus Dewan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.552

<sup>2</sup>. Abdul Rahman Embong (2004), "Faktor Ideologi Politik dan Budaya dalam Penutupan Minda Melayu Islam", Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu, h.27.

## 2.2 Perbezaan Konsep Pembangunan Modal Insan Menurut Islam dan Barat

Dalam konteks Islam, konsep modal insan itu memberikan fokus kepada modal insan yang bukan hanya mempunyai keupayaan dari segi fizikal dan jasmani sahaja. Namun modal insan itu mempunyai kekuatan jiwa iaitu spiritual yang mampu menjadikan manusia itu tahan lasak apabila diasak dengan pelbagai suasana dan rintangan. Hal ini sebagaimana yang telah diungkapkan di dalam al-Quran, al-Sunnah dan sirah Islam bahawa Islam amat menekankan insan yang berkualiti dengan penguasaan ilmu, berfikiran luhur, memiliki akhlak yang tinggi dan bertoleransi serta mempunyai daya saing.

Konsep modal insan yang dicerakkan oleh Islam berteraskan kepada kekuatan rohani kerana nilai tersebut akan menghasilkan kuasa momentum yang efektif untuk membina peradaban manusia. Keunggulan kuasa rohani dapat dilihat kepada sejarah pencapaian kegemilangan peradaban Islam silam yang telah melahirkan tokoh-tokoh keilmuan seperti al-Kindi, al-Khawarizmi, Ibn Sina yang merupakan sebahagian daripada intelektual Islam hanya bukan sahaja cemerlang dalam aspek teologi bahkan mereka merupakan cendekiawan yang terbilang dalam disiplin ilmu masing-masing.<sup>3</sup> Hal ini kerana para ulama silam telah berjaya mengasimilasikan nilai keagamaan dengan aspek-aspek keperluan manusia dalam satu sistem yang sempurna. Keadaan ini berbeza dengan konsep modal insan yang diwar-warkan oleh Barat. Barat yang memfokuskan modal insan yang mempunyai kemampuan dari segi fizikal dan jasmani sahaja dengan mengabaikan kemampuan kerohanian. Barat hanya mengukur keupayaan fizikal dan material dalam menentukan keupayaan seseorang manusia.

Ini boleh dilihat sebagaimana takrifan modal insan yang telah digunakan oleh sarjana-sarjana Barat. Antaranya menurut Paul Romer seorang profesor dan tokoh ekonomi terkenal di Universiti Standford USA, modal insan merupakan himpunan atau stok ilmu pengetahuan dan kemahiran (ketrampilan) individu itu dalam menghasilkan pengeluaran atau berproduksi.<sup>4</sup> Manakala dalam laporan OECD *Organization For Econ Cooperation and Development* pula, *Human Capital ditakrifkan sebagai knowledge, skills, competence and other attributes embodied in individual that are relevant to economic activity.*<sup>5</sup>

<sup>3</sup>. Ahmad Zaki Ibrahim , Mohd Roslan bin Mohd Nor(2010),Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Perseptif Islam. Jabatan Sejarah Universiti Malaya,h.77.

<sup>4</sup>. Elwin Tobing(1994), Pendidikan dan Pertumbuhan Ekonomi (1) dalam The Prospect .Indonesia: Suara Pembaharuan Indonesia,h.3

<sup>5</sup>. Brian Keeley(2007) Lifelong Learning and Human Capital, in Policy Brief, Organisation For Economic Co Operation And Development, page 1.

Manakala menurut Becker, modal insan ialah yang berkaitan dengan pengetahuan, maklumat, idea-idea, kemahiran dan tahap kesihatan yang dimiliki oleh seseorang individu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab.<sup>6</sup>

Mereka merumuskan 'modal insan' sebagai keseluruhan aspek keupayaan fizikal, intelektual dan psikologi yang dimiliki oleh seseorang individu sejak dilahirkan ke alam ini untuk dimanfaat kepada organisasi. Apabila ini yang berlaku jelas menunjukkan bahawa konsep modal insan barat hanyalah memandang dan mengukur tahap kemampuan individu itu pada luaran sahaja tanpa mengambil kira kemampuan dan kekuatan spiritual dan dalaman seseorang individu. Sekiranya ini yang berlaku ia akan memberikan kesan untuk jangkamasa panjang dalam pembangunan sesebuah organisasi mahupun negara. Hal ini kerana yang dipentingkan ialah kemampuan seseorang pekerja itu mampu menyiapkan dan melaksanakan sesuatu tugas tanpa mengambil kira bagaimana tugas itu dilakukan. Keadaan inilah yang berlaku sekarang, kita melihat bagaimana rapuhnya sesebuah organisasi demi mengejar keuntungan dibuang nilai-nilai murni dan moral sehingga persaingan yang berlaku mewujudkan pergaduhan sesama sendiri. Keadaan sebegini tidak akan terjadi sekiranya modal insan yang ada itu memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi dan mempunyai kekuatan dalaman yang baik serta mempunyai akhlak yang tinggi. Mereka mampu menangani saingan yang berlaku di antara mereka sebagai saingan yang sihat dan akhirnya menjadikan mereka modal insan yang berkualiti.

### 2.3 Konsep Modal Insan Dalam Perlembagaan "Itqanul Muluk Bi Takdil As-Suluk"

Kita dapat mengesan beberapa perkara yang berkaitan dengan konsep modal insan dalam Perlembagaan Itqanul Muluk ini. Ianya bersesuaian dengan realiti masyarakat Melayu yang mengamalkan sistem beraja Melayu. Atas dasar ini, tumpuan khusus diberikan kepada soal kerajaan, iaitu tentang raja dan menteri-menterinya. Lebih khusus lagi, PIM mengandungi beberapa perkara utama. Pertama, Perlembagaan Itqanul Muluk (PIM) ini sebagai tanda berlakunya pemahaman dan penghayatan konsep *world-view* Islam dalam sistem pemerintahan bernegara. Proses Islamisasi Alam Melayu ternyata memberikan impak yang cukup besar dalam segenap aspek kehidupan masyarakat. Hal ini berbeza dengan proses Indianisasi sebelumnya yang meninggalkan impak yang agak sederhana terkhusus kepada golongan bangsawan dan raja-raja Melayu.

---

<sup>6</sup>. Ibid., h. 13.

Dalam konteks negeri Terengganu, pengaruh Islamisasi telah mewujudkan kerajaan Islam yang agak holistik dalam sudut pelaksanaan ajaran Islam. Ianya dibuktikan dengan dua tanda besar; Batu Bersurat dan Perlembagaan Itqan Muluk (bermaksud kesungguhan raja menyempurnakan perjalanan pemerintahan yang adil). Perlembagaan Itqan Muluk ini telah terhasil akibat daripada proses Islamisasi Alam Melayu daripada era kegemilangan Islam.

Ia bersesuaian dengan teori Syed Mohamad Naquid al-Attas yang menyatakan bahawa perkembangan Islam di alam Melayu berlaku secara bertahap mengikut era tertentu:

1. Era tahun 1400-1500 masihi ; proses Islamisasi berlaku secara *nominal conversion* (secara luaran semata-mata). Pada era ini, pengaruh kebudayaan Melayu pra Islam masih lagi kuat dipegang oleh masyarakat Melayu. Keadaan ini boleh dilihat dengan buktinya *legal degist* (undang-undang tubuh Negeri Melayu) seperti hukum kanun Melaka yang masih kuat berpegang kepada tradisi feudal Melayu. Ianya bercampur aduk dengan tradisi feudal yang secara kuat dipegang dan meminggirkan ajaran Islam.
2. Era tahun 1700 masihi, kedatangan penjajah British ; Islam diterima luar dan dalam yang dapat dilihat daripada perkembangan ilmu Islam yang berlaku melalui kitab jawi yang amat besar. Unsur-unsur pra-Islam telah pun berjaya dihakis oleh sarjana Islam. Apa yang jelasnya Perlembagaan Itqan Muluk lahir daripada era yang menyaksikan dominasi prinsip Islam sejati melebihi elemen feudalism.
3. Era 1700 masihi hingga Malaysia mencapai kemerdekaan; potensi Islam telah mula dihapuskan oleh penjajah British yang memperkenalkan fahaman sekularisme kepada masyarakat Melayu.

Hasil penelitian yang dibuat oleh Prof. Hashim Musa terhadap tipologi sejarah tamadun Alam Melayu, mendapati pembinaan Tamadun Melayu ini telah diasaskan dengan enam pandangan *world-view* yang bersumberkan wahyu Allah. Keenam-enam pandangan ini telah menjadi pegangan utama masyarakat Melayu (konsep jati diri Melayu), termasuklah ianya menjadi intipati terpenting dalam PIM. *World-view* ini;<sup>7</sup>

---

<sup>7</sup>. Hashim Musa (2001), Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam : Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 48-49

1. Alam ini hasil ciptaan dan tabdiran Allah yang mencakupi alam primordial (arwah), alam dunia dan alam akhirat. Alam akhirat adalah destinasi dan natijah muktamad dari kehidupan di alam dunia. Kejayaan hakiki di alam akhirat adalah dapat memasuki syurga dan kejayaan di alam dunia adalah ketaatan kepada Allah.
2. Islam adalah panduan dari Allah sebagai al-Din yang mengandungi segala peraturan bagi segala gelagat hidup di dunia untuk individu dan masyarakat demi untuk kejayaan hakiki mereka.
3. Keyakinan kepada pembalasan yang baik bagi amalan yang baik dan sebaliknya pembalasan yang buruk untuk amalan yang buruk.
4. Wawasan, misi, objektif, niat, strategi dan operasi segala bidang kerja hendaklah salih, benar dan mematuhi segala aspek hukum Islam tanpa kompromi, manipulasi dan tolak ansur.
5. Nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal salih dan berakhhlak mulia yang manfaatnya dapat dinikmati sama oleh orang lain.
6. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akal dan rohani berasaskan kepada ilmu pengetahuan dalam bentuk fardhu 'ain dan fardhu kifayah.

Unsur *world-view* Islam ini dapat dilihat dalam Fasal 52 PIM yang secara jelas menerangkan;

"Sesungguhnya telah disifatkan dan disebutkan dan ditetapkan selama-lamanya kerajaan Terengganu ini kerajaan *Islamiyyah Melayuwiyyah*, ialah yang dikatakan agama negeri dan kerajaan maka tiadalah boleh sekali-kali sebarang agama lain dijadikan atau disebut agama negeri, sekalipun banyak segala bangsa dan agama diamankan dan dibenarkan masuk diam di dalam negeri dan jajahan Terengganu."

Maksud agama di dalam kenyataan ini adalah bersesuaian dengan maksud Islam sebagai al-Din (way of life) dan bukannya mengikut perspektif sekular Barat, yang mengehadkan fahaman agama kepada amalan ritual semata-mata.

Kedua, PIM menekan kepentingan dilantiknya ketua dalam negara yang bakal menentukan masa depan sesebuah negara. Konsep ketua ini merujuk kepada raja ataupun menteri yang menjalankan tugas menasihati raja dalam soal pentadbiran negeri. Konsep ketua ini

lebih bercirikan konsep modal insan Islam yang menetapkan insan sebagai makhluk Allah dengan menekankan syarat agama, ilmu, tanggungjawab dan pelbagai kelayakan peribadi (seperti amanah, jujur, bertaqwah dan berpandangan jauh) dalam pemilihan ketua. Hal ini secara langsung hasil pengaruh karya fiqh siyasi (karya politik Islam) seperti Kitab Ahkam Sultaniah dan kitab Ihya' Ulumuddin karangan imam al-Ghazali. Kedua-dua karya sarjana ini sering dijadikan asas utama dalam karya kitab jawi di Alam Melayu. Apa yang menariknya, unsur-unsur karya politik Islam timur tengah ini disesuaikan dengan realiti tempatan Melayu. Maknanya, dakwaan bahawa sarjana Melayu hanya bertindak sebagai peniru yang membuta tuli seperti mana dikatakan oleh sarjana Barat adalah tidak betul sama sekali.

Hal ini secara langsung berbeza dengan konsep modal insan Barat yang membolehkan seseorang ketua itu dilantik berdasarkan kriteria kebendaan semata-mata tanpa perlu bergantung kepada kriteria ilmu dan nilai-nilai agama. Kita dapat melihat bagaimana dalam pandangan Machivelli, pemilihan ketua perlu didasarkan kepada sifatnya yang berguna dan mampu mengawal perjalanan negara, termasuklah dengan polisi yang berasaskan tipu muslihat, kezaliman dan sanggup melakukan apa sahaja penindasan asalkan ianya mampu mengawal rakyat serta menjamin kelangsungan dirinya sebagai ketua.

Ketiga, PIM berpegang kepada konsep manusia sebagai insan mulia tetapi perlu bergantung kepada wahyu Allah. Hal ini bertentangan dengan konsep modal insan Barat yang beranggapan manusia sebagai haiwan rasional yang mampu berfikir sepenuhnya tanpa bimbingan agama. Bagi ilmuan Barat, manusia adalah haiwan yang boleh berfikir dan tidak mempunyai elemen jasad, roh, nafs, qalbu dan akal seperti mana difahami oleh *world-view* Islam.

Sarjana Barat menganggap manusia sebagai haiwan yang mampu berfikir dan perlu diberikan keperluan fisiologi kebendaan semata-mata tanpa mempedulikan keperluan spiritual. Apa yang menghairankan adalah kebanyakannya teori Barat tentang manusia ini dibuat berdasarkan proses uji kaji mereka terhadap haiwan biasa dan orang gila, yang kemudiannya digeneralisasikan untuk dipakai oleh manusia biasa. Manusia bagi mereka; Menurut Darwin, manusia adalah haiwan yang berevolusi secara bertahap-tahap daripada haiwan lain yang bersifat hina. Dalam proses berevolusi ini, hanya manusia yang kuat sahaja yang mampu bertahan dengan menindas golongan yang lemah (*Survival Of The Fittest*).

1. Bagi Freud, manusia hanya mempunyai elemen fizikal semata-mata, tetapi bergantung kepada elemen nafsu dalaman dalam bentuk sifat nafsu jantan dan betina bagi mereka meneruskan kehidupan.
2. Manusia tiada kaitan dengan elemen agama untuk hidup, sebaliknya lebih terpengaruh dengan suasana persekitaran untuk bertindak balas sehingga melahirkan perilaku yang khusus.
3. Manusia dikatakan mempunyai elemen jasad dan minda (kerja otak) yang tiada kaitan langsung dengan kuasa spiritual.
4. Manusia dilihat mempunyai elemen kepintaran berfikir yang tinggi (IQ) berbanding dengan makhluk. Ianya terdiri daripada;<sup>8</sup>
  - a. Kecerdasan berbahasa (Word Smart Linguistic Intelligence)
  - b. Kecerdasan logic-metametik (Number And Reasoning Smart)
  - c. Kecerdasan reruang (Spatial And Picture Smart)
  - d. Kecerdasan gerak badan dan kinestetik (Body Smart And Physical Experience)
  - e. Kecerdasan muzik (Music Smart)
  - f. Kecerdasan interpersonal (People Smart)
  - g. Kecerdasan intrapersonal (Self Smart)
  - h. Kecerdasan naturalis (Nature Smart)

Asas pembentukan konsep modal insan Islam perlu berasaskan kepada ajaran Allah (sumber wahyu). Ianya sesuai dengan sifat Islam sebagai al-Din (Way of life). Wahyu Allah adalah berasal daripada tuhan yang Maha Pengasih dan Penyayang. Islam adalah anugerah Allah yang Maha Mengetahui segenap keperluan hidup manusia kerana Dia yang menjadi pencipta kepada manusia dan sekalian alam. Secara khususnya, kita boleh menganalogikan Islam sebagai manual yang disediakan oleh Allah bagi menangani produk yang bernama manusia. Mengikut pandangan Islam, Allah yang menciptakan Alam dan sekalian makhluk tidak berhenti setakat itu sahaja, bahkan Allah juga yang menjaga dan mendidik alam ini dengan menganugerahkan ajaran Islam. Walaupun dalam banyak keadaan manusia mampu menggunakan akal mereka untuk memahami dan memikirkan jalan penyelesaian terbaik untuk menangani kehidupan mereka, bagi sudut pandangan Islam sifat dan peranan akal ini masih lagi terbatas sifatnya, yang perlu dibantu dengan peranan wahyu Allah.

<sup>8</sup>. Khaidzir Ismail (2009), Psikologi Islam : Falsafah, Teori Dan Aplikasi, Kuala Lumpur :i-Book, h. 8-11.

Pembinaan pemikiran manusia adalah didasarkan kepada keadaan persekitaran iaitu apa yang dipelajari, didengar, dilihat, diberitahu, dialami dan sebagainya. Manusia masih jahil dengan apa yang terdapat di luar persekitarannya. Dengan itu, manusia masih jahil tentang;<sup>9</sup>

1. Apa yang ada di luar daripada tahap pemikiran mereka seperti hal-hal ketuhanan.
2. Apa yang akan berlaku seperti alam akhirat.
3. Apa yang lebih baik untuk keperluan mereka.

Berbanding dengan pandangan Barat yang meletakkan manusia sebagai haiwan yang mampu berfikir dan perlu diberikan keperluan fisiologi kebendaan semata-mata tanpa mempedulikan keperluan spiritual,<sup>10</sup> Islam menganggap manusia mempunyai dua bentuk unsur baik (insani) dan buruk (haiwani) yang saling bertentangan antara satu sama lain. Dalam unsur yang pertama, manusia mempunyai elemen mulia merangkumi; (i) kejadian rupa bentuk yang sempurna berbanding dengan makhluk lain,<sup>11</sup> (ii) dipilih sejak awal untuk bertugas sebagai khalifah Allah di muka bumi,<sup>12</sup> (iii) mempunyai kapasiti intelektual yang paling tinggi,<sup>13</sup> (iv) dibekalkan dengan fitrah semula jadi yang boleh merapatkan hubungan dengan Allah,<sup>14</sup> (v) memiliki kebebasan kudrat dan iradat untuk membuat pilihan yang membabitkan kesejahteraan diri dan masyarakat,<sup>15</sup> (vi) mempunyai potensi kesedaran moral bagi membezakan antara perkara baik dan buruk<sup>16</sup> dan (vii) segala kepentingan alam dunia disediakan khusus untuk kegunaan manusia.<sup>17</sup> Di samping kesemua elemen yang baik ini, terdapat juga unsur buruk yang sering mendapat celaan daripada Allah dan makhluk lain seperti; (i) makhluk yang zalim dan bodoh,<sup>18</sup> (ii) makhluk yang sompong dan bongkak,<sup>19</sup> (iii) makhluk yang suka mengingkari nikmat Allah,<sup>20</sup> (iv) makhluk yang suka melampaui batas kerana merasa dirinya serba cukup,<sup>21</sup> (v) berwatak kedekut,<sup>22</sup> (vi)

<sup>9</sup>. Ab. Aziz Mohd Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islamiah*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, h. 11-12.

<sup>10</sup>. Kelemahan paradigma anti spiritual yang diamalkan oleh pakar psikologi Barat ini disedari secara langsung oleh Abraham Maslow, yang kemudiannya turut memasukkan elemen keperluan spiritual di dalam teori hiraki keperluan manusia. Lihat Abdul Rahman Aziz (2000), *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*, Petaling Jaya: Printice Hall Publication, h. 40-44.

<sup>11</sup>. Quran, surah 95: 5.

<sup>12</sup>. Ibid, surah 2:30 dan 6:165.

<sup>13</sup>. Ibid, surah 2:31-33.

<sup>14</sup>. Ibid, surah 7:172 dan 30:43.

<sup>15</sup>. Ibid, surah 33:42 dan 76:2-3.

<sup>16</sup>. Ibid, surah 91:7-8.

<sup>17</sup>. Ibid, surah 2:29 dan 45:13.

<sup>18</sup>. Ibid, surah 33:72.

<sup>19</sup>. Ibid, surah 4:36.

<sup>20</sup>. Ibid, surah 22:66.

<sup>21</sup>. Ibid, surah 96:6-7.

<sup>22</sup>. Ibid, surah 17:100.

cenderung bersifat tergesa-gesa dan suka mengambil jalan sengkat yang merugikan diri,<sup>23</sup> (vii) senang mengidap penyakit keluh kesah,<sup>24</sup> suka membanggakan diri,<sup>25</sup> mudah berputus asa,<sup>26</sup> suka membantah terhadap peraturan Allah<sup>27</sup> dan tidak tetap pendirian.<sup>28</sup>

Kesemua elemen ini jika tidak dikawal dan dikendalikan dengan betul akan menyebabkan manusia yang begitu mulia akan hilang pertimbangan dan bakal menjadi lebih hina daripada haiwan. Secara jelas, demi untuk menjaga dan memperseimbangkan kedua-dua unsur yang saling bertentangan ini Allah telah menurunkan syariah-Nya yang maha mulia dan lengkap.<sup>29</sup>

Keempat, pengakuan nasab keturunan untuk jawatan raja dan pembesar negeri. Di tambah lagi, dengan wujudnya hubungan simboistik antara ulamak dan keluarga diraja Terengganu. PIM secara terang-terangan menetapkan ianya perlu beragama Islam, asal penduduk Terengganu dan daripada nasab keluarga tertentu. Memang diakui, perkara ini ditetapkan bersesuaian dengan realiti masyarakat feudal Melayu. Namun begitu, kita perlu terbuka untuk menerima fakta bahawa reputasi nasab keturunan memang turut diambil kira dalam penentuan ketua dalam Islam. Ini kerana dalam sosiologi masyarakat serta kekeluargaan seseorang ketua, seperti nasab kabilah Quraish; soal ilmu dan tanggungjawab kepimpinan amat dititikberatkan. Dalam konteks keluarga diraja Terengganu, hubungan erat antara keluarga diraja dengan ulamak yang bertindak sebagai pendidik dan penasihat memang merupakan fakta sejarah yang tidak dapat dinafikan.

Pada zaman Terengganu silam ini, peranan ulamak bukan setakat mengasaskan tetapi terlibat secara maksimum dalam pentadbiran negara seperti mana dikesan dalam kerajaan Melayu Melaka. Kita dapat mengetahui bagaimana ulamak Terengganu terlibat sebagai penasihat dan meletakkan batu asas kepada perlembagaan negeri.

Sifat ulamak sebagai pendidik kepada kelas pemerintah dan masyarakat awam. Pembabitan ulamak dalam PIM secara langsung menunjukkan bagaimana ulamak telah terlibat sebagai pendidik kelas pemerintah yang terdiri daripada kerabat diraja dan bangsawan Melayu. Usaha ini dilihat sebagai usaha mengukuhkan kesultanan Melayu Islam - kerana

<sup>23</sup>. Ibid, surah 17:11.

<sup>24</sup>. Ibid, surah 70:19-20.

<sup>25</sup>. Ibid, surah 11:10.

<sup>26</sup>. Ibid, surah 41:49 dan 17:83.

<sup>27</sup>. Ibid, surah 18:54.

<sup>28</sup>. Ibid, surah 10:12.

<sup>29</sup>. Muhammad Usman Najati (2001), *Al-Quran Dan Psikologi*, Ade Asnawi (terj. Oleh), Jakarta: Penerbit Aras Pustaka, h. 79-82.

ia dapat bertindak sebagai payung yang menaungi perkembangan Islam.

Hubungan antara umara dengan ulamak memang agak ketara. Hasilnya, gabungan antara keduanya berjaya bertindak sebagai pemikir dan penyelesaikan masalah ummah - ancaman campur tangan penjajah British di Terengganu (kerana ulamak memang mengikuti perkembangan politik yang berlaku di negeri Melayu lain). Dalam soal ini, mereka telah mengamalkan kaedah pemikiran strategik bagi menghadapi campur tangan penjajah British yang bakal mendesak dan mempengaruhi sultan Melayu. Hal ini dirujuk kepada usaha mengekang campur tangan British dan mengekalkan kedaulatan negeri sebagai sebuah negeri Islam. Usaha untuk mengekang campur tangan kuasa British ini boleh dilihat dalam fasal 14 PIM menetapkan;

*"maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya itu atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau Huquqnya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya. Maka jika raja cubai lalui larangan dan tegahan ini nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaannya dan diangkatkan gantinya pula."*

Fasal 14 ini secara terang-terangan menetapkan bahawa tidak sah raja yang menerima persekutuan dengan kuasa kafir luar. Hal ini ternyata betul kerana fasal 14 ini telah menyulitkan tugas Harold Mac Michael memujuk sultan Terengganu untuk menandatangani persetujuan penubuhan Malayan Union yang membawa erti penyerahan kuasa negeri kepada penjajah British.<sup>30</sup>

Kelima, elemen sains politik Islam yang berkaitan dengan konsep modal insan memang terdapat dalam PIM. Hal ini boleh dirujuk kepada beberapa perkara utama, (a) prinsip *Ahl Hall Wal Aqd* (fasal 1), (b) syarat seorang pemimpin dan cara pemecatan seandainya berlaku kepincangan (fasal 5), (c) supremasi hukum Islam (hingga boleh pecat menteri yang berdosa) (fasal 7, 37 dan 9), (d) konsep syura, (e) masalah kecacatan tugas raja (fasal 11,12 dan 14), (f) konsep bay'ah (fasal 25), (g) mengakui hak golongan bukan Islam (fasal 39) dan (h) teras terpenting PIM yang pastikan kedaulatan Islam tidak dicabar (fasal 51).

<sup>30</sup>. Zainal Abidin Abdul Wahid (1992), "Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya Dan Kelahiran UMNO" Dalam Zainal Abidin Abdul Wahid et.al, Malaysia : Warisan dan Perkembangan, Kuala Lumpur : DBP, h. 193-195

### 3.0 KESIMPULAN

Perbincangan yang dipaparkan dalam artikel ini, memperlihatkan bahawa kita dapat merumuskan beberapa perkara utama. Pertama, PIM ini sebagai tanda berlakunya pemahaman dan penghayatan konsep *world-view* Islam dalam sistem pemerintahan bernegara khususnya di Terengganu. PIM juga jelas menunjukkan bahawa modal insan merupakan elemen penting dalam pembangunan dan pembentukan sesebuah negara. Keadaan ini dapat dilihat menerusi *world-view* Islam yang menyatakan ulamak dan raja merupakan modal insan yang menggunakan risalah Islam sebagai asas perjuangan. Hal ini terbukti dalam sirah ulamak Islam zaman-berzaman termasuklah di Terengganu. Kedua, PIM menekan kepentingan dilantiknya ketua dalam negara yang bakal menentukan masa depan sesebuah negara. Ini kerana ketua negara iaitu modal insan adalah aset sesebuah negara dan ia merupakan lambang kekuatan dan kelemahan sesebuah negara. Jika sesebuah negara memiliki ketua iaitu modal insan yang bijaksana dalam segenap aspek pastinya negara dapat ditadbirkan dan diuruskan dengan aman dan bijaksana. Keadaan ini berbeza sekiranya seseorang ketua negara itu hanya mempunyai bijaksana tetapi gagal memiliki akhlak dan etika yang baik, sudah tentulah gagal memimpin dan menguruskan sesebuah negara dengan baik. Ketiga, PIM berpegang kepada konsep manusia sebagai insan mulia tetapi perlu bergantung kepada wahyu Allah. Hal ini kerana manusia yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah, mereka akan terikat dengan apa yang disuruh dan apa yang dilarang oleh wahyu Allah. Mereka mengetahui bahawa peranan akal terbatas dan manusia memerlukan panduan wahyu dalam menguruskan kehidupan ini. Di samping itu mereka juga mempunyai disiplin dan dapat menguruskan apa yang dipertanggungjawab dengan baik. Berbeza dengan modal insan barat yang berpaksikan kepada kekuatan akal dan material sahaja tanpa ada ikatan keagamaan. Keempat, pengakuan nasab keturunan untuk jawatan raja dan pembesar negeri. Hal ini dititikberatkan kerana ia suatu perkara penting dalam hal perlantikan ketua dalam Islam. Ditambah lagi, dengan wujudnya hubungan simbolik antara ulamak dan keluarga diraja Terengganu.

Kelima elemen sains politik Islam juga telah ditekankan dalam PIM. Sesungguhnya modal insan ini sangat penting dalam proses pembangunan dan pembentukan sesebuah negara. Tanpa modal insan yang berkualiti proses pembangunan sesebuah negara tidak dapat dilakukan dengan berjaya. Namun modal insan yang berkualiti itu haruslah meliputi segenap aspek jasmani dan rohani. Gabungan kedua-dua elemen ini akan melahirkan modal yang berkualiti yang mampu

mentadbir dan menguruskan negara dengan cemerlang sebagaimana yang wujudnya dalam Perlembagaan Itqan Muluk.

## **RUJUKAN**

- Ab. Aziz Mohd Zin. (1997). *Pengantar Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Abdul Rahman Aziz. (2000). *Pekerjaan Dalam Kehidupan Manusia*. Petaling Jaya: Printice Hall Publication.
- Abdul Rahman Embong. (2004). Faktor Ideologi Politik dan Budaya dalam Penutupan Minda Melayu Islam. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*.
- Ahmad Zaki Ibrahim & Mohd Roslan Mohd Nor. (2010). *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Persepktif Islam*. Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- Brian Keeley. (2007). Lifelong Learning and Human Capital. In *Policy Brief, Organisation For Organisation For Economic Co Operation And Development*.
- Elwin Tobing. (1994). Pendidikan dan Pertumbuhan Ekonomi (1) dalam *The Prospect Indonesia*: Suara Pembaharuan Indonesia.
- Hashim Musa. (2001). *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ja'far Shaykh Idris. (1997). *Pembangunan Negara Beteraskan Islam dalam Islam dan Pembangunan Persatuan Sains Sosial Islam*. Syed Omar Syed Agil (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khaidzir Ismail. (2009). *Psikologi Islam: Falsafah, Teori Dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: i-Book.
- Muhammad Al-Buraey. (1992). *Pembangunan pentadbiran menurut Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Usman Najati. (2001). *Al-Quran Dan Psikologi*. Ade Asnawi (terj.). Jakarta, Indonesia: Penerbit Aras Pustaka.
- Noresah Baharom. (2007). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abiding Abdul Wahid. (1992). Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya Dan Kelahiran UMNO. Dalam Zainal Abiding Abdul Wahid *et.al*, Malaysia: Warisan dan Perkembangan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.